

# BAKTISISWA PERDANA SIRI II NEGERI PERLIS 2008

Oleh : Mohd Hakam B. Hassan

*Satu Lagi Sejarah Buat Unimap*

Pada 25 hingga 27 Julai 2008 – Satu sejarah sekali lagi telah diukir oleh Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dengan kejayaan melaksanakan Program Baktisiswa Perdana Siri II Peringkat Negeri Perlis Tahun 2008. Program Baktisiswa Perdana pada kali ini merupakan lanjutan daripada program Baktisiswa Perdana yang telah diadakan pada tahun 2007. Dengan bertemakan “Mahasiswa Penjana Minda Progresif” seramai hampir 1,400 orang pelajar baru UniMAP kemasukan Sesi Akademik 2008/2009 telah terbabit dalam program ini. Kesemua pelajar ini telah ditempatkan di 30 buah kampung dalam 15 buah Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) di Negeri Perlis. Program anjuran UniMAP ini telah mendapat kerjasama daripada Pejabat Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perlis, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) dan Biro Tatanegara (BTN) Negeri Perlis.



Perasmian dan Pelancaran Program ini telah dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Md Isa Sabu, Menteri Besar Perlis dan Yang Berbahagia Brigidier Jeneral Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Turut hadir bersama dalam majlis ini adalah Speaker Dewan Undangan Negeri, .Penasihat Undang-Undang Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli-Ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Perlis, Pegawai-pegawai utama Universiti, Dekan-Dekan dan Ketua-ketua Jabatan UniMAP serta Ketua-Ketua Kampung dan Pengerusi JKK.

Dalam majlis tersebut Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perlis telah merasmikan dan seterusnya menyempurnakan simbolik penyerahan anak-anak angkat (pelajar UniMAP) kepada Wakil-Wakil Rakyat yang mewakili kampung-kampung yang telah dipilih dalam setiap Kawasan Dewan Undangan Negeri Perlis. Dalam majlis ini juga turut diserikan lagi dengan pengumuman dari pihak Malaysia Book of Record yang telah dibacakan oleh Dr. Hazry Desa berkenaan pengisytiharan pengiktirafan Program Baktisiswa Perdana Siri 2 Peringkat Negeri Perlis 2008 ini sebagai Program Keluarga Angkat Terbesar di Malaysia dengan penglibatan seramai 1,400 orang pelajar dan 700 buah keluarga. Majlis ini diteruskan dengan upacara menandatangani mock Sijil Pengiktirafan Malaysia Book of Record oleh Y.A.B Menteri Besar Perlis dengan disaksikan oleh Y.Bhg Naib Canselor UniMAP dan tetamu-tetamu lain yang hadir.

Ternyata melalui pelaksanaan Program Baktisiswa Perdana 2 ini, UniMAP telah berjaya memberikan impak yang besar dalam mengeratkan lagi hubungannya dengan masyarakat di Negeri Perlis disamping membantu dalam membangunkan sosioekonomi masyarakat. Kejayaan pelaksanaan program ini juga turut memberikan isyarat bahawa warga UniMAP senantiasa komited dalam usaha untuk menjadikan UniMAP sebagai pemangkin terhadap kemajuan Negeri Perlis melalui usaha yang berterusan untuk membentuk mahasiswa yang kenal budaya, kenal bangsa dan berjiwa patriotik dan menghasilkan mahasiswa penjana minda progresif yang akan menjadi pembimbing utama dalam membentuk minda kelas pertama di kalangan masyarakat Negeri Perlis.

Program Baktisiswa kali ini telah diadakan selama 3 hari 2 malam. Pelbagai pengisian telah disusun bagi menjayakan program ini antaranya program utama iaitu Majlis Perasmian dan Pelancaran Program Baktisiswa di Dewan 2020 dan semasa para pelajar berada di kampung-kampung pula dijalankan aktiviti-aktiviti seperti Program Gotong Royong, Seminar Kecemerlangan Bahasa Inggeris dan Matematik, Seminar Kecemerlangan Ibu Bapa dan Program Gotong Royong Kenduri-Kendara. Namun kelainan yang cuba untuk diketengahkan pada kali ini adalah dengan setiap kampung yang telah dipilih untuk terlibat dalam program baktisiswa pada kali ini akan dijadikan sebagai Kampung Angkat kepada UniMAP umumnya dan khasnya kepada Pusat-Pusat Pengajian Kejuruteraan UniMAP. Bagi merealisasikan tujuan tersebut, semasa sesi Seminar Kecemerlangan Bahasa Inggeris dan Matematik dan Seminar Kecemerlangan Ibu Bapa, Dekan-dekan dan pensyarah-pensyarah dari semua pusat pengajian telah turut sama berganding bahu bagi menjayakan slot berkenaan dengan menjadi penceramah dan fasilitator.

Majlis perasmian dan pelancaran Program Baktisiswa Perdana Siri Ke-2 ini telah diadakan pada 25 Julai 2008 (Jumaat) bertempat di Dewan 2020, Kangar. Majlis

